



Manuscript Title: Di Sebalik Isu Perkahwinan Nadrah: Tumpuan Terhadap. Pandangan Ahmad Luthfi dalam Majalah Qalam (1950–1963)

Authors: Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah

Accepted Date: 05-November-2021

Please cite this article as: Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor & Mohd Firdaus Abdullah. 2021. Di sebalik isu perkahwinan Nadrah: Tumpuan terhadap. pandangan Ahmad Luthfi dalam majalah Qalam (1950–1963). *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

DI SEBALIK ISU PERKAHWINAN NADRAH: TUMPUAN TERHADAP PANDANGAN AHMAD LUTHFI DALAM MAJALAH QALAM (1950–1963)

BEHIND THE ISSUE OF NADRAH'S MARRIAGE: FOCUS ON AHMAD LUTHFI'S POINT OF VIEW IN QALAM MAGAZINE (1950–1963)

Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif¹, Arba'iyah Mohd Noor² & Mohd Firdaus Abdullah³

¹Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, MALAYSIA

² Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, MALAYSIA

³ Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding author: shahrulazhasharif@gmail.com

ABSTRACT

The issue of Nadrah began to draw the attention of the world community in the early 1950s due to the trial of custody rights between her Malay adoptive mother and her Dutch biological parents. This event sparked a major polemic since it touched the sensitivities of the Malays and Muslims. Among the dominant issues in the Nadrah tragedy was the issue of Nadrah's marriage, which had become the main topic in the newspapers and magazines at that time, including the Qalam magazine. Compared to other print media, the Qalam magazine seems to emphasize more on reports that were based on Islamic beliefs and morals in relation to the issue of Nadrah. In relation to this, the current study examined the perception of Ahmad Luthfi, as a founder, publisher, and author of the Qalam magazine, on the issue of Nadrah's marriage from the aspects of age limit for marriage, Islamization and faith, women's freedom, the role of kadi/wali and Islamic administrative law. The resources and materials in this article were obtained from the National Archives of Malaysia, Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Library, Universiti Malaya (UM) Main Library, UM Za'ba Memorial Library, UM Ahmad Ibrahim Library, UM Academy of Islamic Studies Library, and other sources. The findings of the study show that Ahmad Luthfi had a clear perception of the Islamic law based on the Quran and

Hadith. He would not compromise with those who undermined the Islamic law that his views had invited positive and negative reactions from various parties.

Keywords: Ahmad Luthfi, Nadrah, Qalam, Marriage, Puberty, Syariah Law, Islam

ABSTRAK

Isu Nadrah mula mendapat perhatian masyarakat dunia pada awal tahun 1950-an kerana perbicaraan perebutan hak penjagaan antara ibu angkatnya yang berbangsa Melayu dengan ibu bapa kandungnya berbangsa Belanda sehingga mencetuskan satu polemik besar yang menyentuh sensitiviti bangsa Melayu dan umat Islam. Antara isu dominan dalam tragedi Nadrah melibatkan soal perkahwinan Nadrah yang menjadi topik utama di dada-dada akhbar dan majalah ketika itu termasuklah majalah Qalam. Majalah Qalam dilihat lebih menekankan laporan yang berteraskan akidah dan akhlak Islam berkaitan isu Nadrah berbanding media cetak yang lain. Artikel ini akan mengupas mengenai persepsi Ahmad Luthfi sebagai seorang pengasas, penerbit dan penulis Qalam terhadap isu perkahwinan Nadrah dari aspek had umur berkahwin, pengislaman dan akidah, kebebasan wanita, peranan kadi/wali dan undang-undang pentadbiran Islam. Sumber dan bahan dalam artikel ini diperolehi dari Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Peringatan Za’ba UM, Perpustakaan Ahmad Ibrahim UM, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam UM dan lain-lain. Hasil kajian mendapati Ahmad Luthfi mempunyai persepsi yang jelas terhadap hukum perundangan Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Beliau tidak akan berkompromi terhadap golongan yang memperlekeh perundangan Islam sehingga dilihat pandangannya telah mengundang reaksi positif dan negatif oleh pelbagai pihak.

Kata kunci: Ahmad Luthfi, Nadrah, Qalam, Perkahwinan, Baligh, Hukum Syarak, Islam

PENGENALAN

Tragedi Nadrah berlaku di Singapura pada 11 Disember 1950 kerana masyarakat Islam di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura marah serta kecewa Nadrah akan dimurtadkan. Tragedi tersebut telah meragut 16 nyawa dan mencederakan seramai 180 orang. Nadrah adalah gadis berketurunan Belanda yang dipelihara

oleh ibu angkatnya Che Aminah sejak tahun 1942 ketika berusia lima tahun dan dibawa ke Kemaman, Terengganu dalam tahun 1945. Nadrah dibesarkan dalam suasana adat Melayu dan diasuh dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, ibu bapa kandung Nadrah, Adrianus Petrus Hertogh dan Adelien Hertogh kembali menuntut hak penjagaan Nadrah di Mahkamah Tinggi Singapura pada September 1950 (Fatini Yaakob, 2010). Namun usaha mereka gagal apabila mahkamah memberi hak penjagaan kepada Che Aminah. Bagi mengelakkan Nadrah dituntut semula oleh keluarga kandungnya, Che Aminah mengahwinkan Nadrah dengan Mansor Adabi ketika umur Nadrah 13 tahun. Namun, perkahwinan tersebut menjadi ‘*disadvantage*’ kerana undang-undang Belanda/British tidak membenarkan perempuan berumur bawah 16 tahun untuk berkahwin sedangkan undang-undang Islam membenarkan wanita berkahwin setelah mencapai usia baligh. Hal ini telah memberi peluang kepada ibu bapa kandung Nadrah untuk menuntut semula hak penjagaan dan seterusnya memenangi kes.

Justeru, artikel ini memberi tumpuan kepada dua aspek utama iaitu pandangan Ahmad Luthfi mengenai isu perkahwinan Nadrah dan reaksi yang timbul akibat pandangan yang diutarakan beliau. Secara keseluruhannya, walaupun paksinya adalah tentang isu perkahwinan Nadrah, namun Ahmad Luthfi dilihat lebih menekankan pandangan yang berkembang dan merentas isu perkahwinan Nadrah itu sendiri. Hal ini termasuk isu had umur perkahwinan, isu pengislaman dan akidah, isu kebebasan wanita, isu peranan kadi/wali, dan isu perundangan Islam. Rentetan daripada pandangan Ahmad Luthfi dalam isu-isu tersebut, ia dilihat telah mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan pembaca sama ada tokoh agama, ahli politik mahupun tokoh perundangan. Misalnya respon daripada Ahmad Ibrahim, Hj. Sanusi Mahmud, Parti Islam Se-Malaya (PAS) cawangan Singapura, beberapa pertubuhan Melayu dan Islam serta alim ulama mengenai Undang-undang Pentadbiran Islam seperti perceraian dan poligami. Daripada reaksi yang ditimbulkan, menunjukkan pandangan Ahmad Luthfi menerusi majalah *Qalam* dianggap penting dan seterusnya memberi impak kepada pelaksanaan perundangan Islam khususnya mengenai perkahwinan di Singapura.

Pelbagai kajian yang mengkhusus kepada pemikiran Ahmad Luthfi misalnya Talib Samat telah membedah 27 novel karya Ahmad Luthfi untuk melihat peranan Ahmad Luthfi sebagai penulis, penerbit dan pendakwah (Talib Samat, 2004). Sementara itu, Khalidah Adibah Hj. Amin turut memfokuskan kepada pemikiran Ahmad Luthfi menerusi sebelas buah novel beliau dengan mengkhusus kepada isu-isu yang berkaitan pendidikan dan wanita. Dalam kajiannya, Khalidah melihat Ahmad Luthfi sebagai tokoh yang berperanan menyuntik perubahan dalam masyarakat menerusi karya kesusastraan (Khalidah Adibah Hj. Amin, 1957). Manakala, Sundusia Rosdi telah melakukan kajian ke atas majalah *Qalam*, namun beliau hanya mengetengahkan latar belakang Ahmad Luthfi dan peranannya dalam membangunkan majalah *Qalam* tanpa menganalisis

kandungan majalah tersebut (Sundusia Rosdi, 2010). Begitu juga kajian Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif dan Arba'iyah Mohd Noor hanya melihat peranan Ahmad Luthfi sebagai pengasas dan penerbit majalah *Qalam* tanpa menyentuh pandangannya terhadap sesuatu isu (Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif dan Arba'iyah Mohd Noor, 2019). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang menganalisis isu-isu dalam majalah *Qalam*, namun tidak pula bertumpu kepada pemikiran Ahmad Luthfi secara khusus. Misalnya, Tsuboi Yuji merumuskan perbincangan isu Nadrah dalam *Qalam* kepada tiga aspek utama iaitu hak seorang muslim untuk beramal dengan kepercayaannya, kuasa kadi dan perundangan Islam yang dinafikan (Tsuboi Yuji (坪井, 祐司, 2013). Secara keseluruhannya, masih terdapat kelompongan terhadap kajian yang benar-benar memfokuskan kepada pandangan Ahmad Luthfi dalam majalah *Qalam*. Justeru, artikel ini diharap menjadi pelengkap kepada kajian yang pernah dijalankan sebelum ini dan seterusnya dapat diketengahkan bagi menonjolkan sisi pandangan Ahmad Luthfi berkenaan isu Nadrah yang belum lagi diketahui umum.

Ahmad Luthfi mengupas isu yang berkaitan Nadrah dari bermulanya kes perbicaraannya pada September 1950 sehingga Julai 1952. Malah isu perkahwinan Islam dibincangkan hampir setiap bulan dalam penerbitan *Qalam* dan menjadi semakin rancak menjelang 1963 apabila Undang-undang Pentadbiran Islam diperkenalkan. Boleh dikatakan bahawa kemunculan *Qalam* dalam arena media bercetak tanah air pada bulan Julai 1950 adalah kerana dorongan yang kuat untuk menzahirkan rasa tidak puas hati Ahmad Luthfi dalam kemelut Nadrah dan seterusnya mencorakkan hala tuju perjuangan majalah *Qalam* selepas itu.

Nadrah: Tumpuan Terhadap. Pandangan Ahmad Luthfi Dalam Majalah Qalam (1950-1963)



Rajah 1: Kulit Hadapan Majalah Qalam
Sumber: Qalam, bil. 3, Oktober 1950.

RENTETAN ISU PERKAHWINAN NADRAH

Selepas tiga hari memenangi perbicaraan kes tuntutan penjagaan ke atas Nadrah, Che Aminah telah mengahwinkan Nadrah dengan Mansor Adabi di rumah M.A. Majid di Ranggon Road, Singapura pada 1 Ogos 1950 (Syed Muhd Khairudin Al-Juneid, 2009). Perkara ini telah membuka peluang kepada ibu bapa Nadrah untuk sekali lagi menuntut hak penjagaan dari Mansor Adabi dan Che Aminah. Ahmad Luthfi sendiri menerusi rencananya turut mengakui perkahwinan itu tidak sepatutnya berlaku kerana di Singapura undang-undang Barat mengatasi hukum Islam dan perkahwinan di bawah umur selalunya dibantah.

“Suatu berita sebagai ‘bom’ lakunya telah tersiar menyatakan bahawa Nadrah telah berkahwin dengan Mansor Adabi dengan kesukaannya sendiri. Di sinilah menjadi satu perkara yang rumit sekali dan inilah juga yang menjadi sebahagian daripada mereka-mereka yang menimbang rasa kepada Che Aminah itu telah tidak berpuas hati kepada angkara yang tersebut sebab maklumlah di dalam negeri yang terbuka dan moden sekarang perkahwinan di

dalam umur semuda itu adalah sangat-sangat dibantah” (*Qalam*, September 1950).



Rajah 2: Nadrah, Anak Angkat yang Menggemparkan
Sumber: *Qalam*, bil. 2, September 1950.

Amat sukar untuk terlepas daripada keputusan yang memihak kepada undang-undang barat apabila termasuk dalam tanah jajahan. Kenyataan J.M. Gullick, “*Islamic legal doctrine appears in the Malay legal codes but there is no evidence to show it was effective law*” seolah-olah mengesahkan perkara ini (J.M. Gullick, 1965; Mohd Idrus Jusi, 1973/74). Akhirnya Nadrah terlepas juga daripada genggaman Che Aminah.



Rajah 3: Orang ramai berhimpun di luar Mahkamah Tinggi Singapura pada 11 Disember 1950 untuk mengetahui keputusan kes rayuan Nadrah
Sumber: Qalam, bil. 6, Januari 1951.

Pada 11 Disember 1950 iaitu hari terakhir kes rayuan didengar di Mahkamah Tinggi Singapura, orang ramai mula berkumpul di hadapan mahkamah seawal jam 9.00 pagi untuk mendengar keputusan dibacakan. Pada jam 9.45 pagi, apabila bilangan orang ramai semakin bertambah, Linsell yang merupakan seorang pegawai bertugas telah mengarahkan seramai 70 anggota polis Melayu mengadakan sekatan untuk menghalang orang ramai daripada merempuh jalan di hadapan mahkamah. Jumlah orang ramai ketika itu dianggarkan seramai 2000 hingga 3000 orang. Menjelang jam 12.15 tengah hari, keadaan tidak lagi dapat dikawal apabila M.A. Majid (bapa angkat Mansor Adabi) keluar dari mahkamah dan tercetusnya rusuhan. Seramai sembilan orang terbunuh, tujuh daripadanya ialah perusuh dan dua orang lagi ialah anggota polis (Fatini Yaacob, 2010). Ahmad Luthfi memberi respon terhadap peristiwa rusuhan itu, menurutnya:

“... sesuatu perkara mengenai kehormatan dan taraf orang Islam selalu diperkecil-kecilkan sebagaimana yang berlaku dalam peristiwa Nadrah sehingga menjadikan rasa tidak puas hati itu berkembang lalu mencetuskan rusuhan” (Qalam, Februari 1952).

“Keputusan yang diambil oleh Tuan Hakim Brown nampaknya telah pun menyentuh hak kebebasan beragama di negeri

Singapura yang demikian itu tidak sepatutnya berlaku” (Qalam, Januari 1951).

Berdasarkan tragedi tersebut, Qalam telah mengupas secara panjang lebar mengenai isu perkahwinan dan perundangan Islam. Kesedaran Ahmad Luthfi terhadap kelemahan dalam amalan dan pelaksanaan undang-undang Islam begitu tinggi. Dengan pelbagai isu dan persoalan yang diutarakan, jelas dapat dilihat Ahmad Luthfi sangat berpegang kepada tuntutan Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Beliau dilihat tidak berkompromi terhadap golongan yang mempersendakan hukum Allah dan akan lantang menyuarakan penentangannya. Ahmad Luthfi telah cuba sebaik mungkin memberi kesedaran dan kefahaman mengenai konsep mahupun hukum perkahwinan dalam Islam melalui isu-isu yang diketengahkan.

ISU HAD UMUR PERKAHWINAN

Perkahwinan dalam Islam merupakan sebuah ikatan suci yang menghalalkan sebuah perhubungan antara seorang lelaki dan perempuan apabila mencapai umur baligh. Ahmad Luthfi memberikan tafsiran yang jelas mengenai umur baligh ini iaitu pertama, jika dia bermimpi bersetubuh dan inzal, kedua, telah datang haid dan ketiga, jika tiada kedua-dua yang disebutkan tadi hendaklah mencukupkan umurnya 15 tahun iaitu masa yang paling lewat bagi seorang perempuan untuk datang haid (Qalam, Oktober 1950). Ahmad Luthfi menyatakan bahawa Islam tidak menetapkan had umur perkahwinan kerana ia bertentangan dengan hukum syarak. Tambahan pula, seorang perempuan akan mengalami waktu baligh mengikut keadaan yang berbeza-beza. Dalam erti kata lain, kesuburan badan seseorang itu tidak sama. Misalnya wanita di negara beriklim panas lebih cepat baligh, cepat matang dan bersedia menjadi isteri. Hal ini adalah bergantung kepada suhu, tempat, cuaca, pemakanan dan sebagainya yang mempengaruhi tahap kesuburan seseorang itu. Maka seseorang yang hidup dalam negeri panas tidak sama dengan orang yang hidup dalam negeri sejuk (Niamah Hj. Ismail Umar, 1998). Baligh sememangnya boleh diukur melalui kematangan seseorang atau pengalamannya dalam kehidupan. Misalnya matang dalam membuat keputusan secara rasional dengan pertimbangan logik akal. Justeru, Ahmad Luthfi menolak keputusan Hakim Brown yang membatalkan perkahwinan Nadrah kerana menurutnya Nadrah telah baligh dan sah berkahwin sebagaimana dituntut oleh syarak. Beliau turut merujuk kenyataan dalam affidavit Che Aminah bahawa ibu angkatnya itu sedar bahawa Nadrah telah baligh pada Julai 1949 (Qalam, Disember 1950: Perak Secretariat 264/159, 25 Disember 1950).

Ketika persoalan mengenai penetapan had umur perkahwinan Nadrah sangat dibincangkan, wujud beberapa pihak yang cuba menidakkannya hukum Islam sekaligus menambah api kemarahan orang Melayu. Pada 21 Ogos 1950, akhbar *The Straits Times* menyiarkan rencana di bawah tajuk “*Control Child Marriages Demand in Singapore*” yang menggesa kerajaan Singapura menggubal undang-undang untuk mengurangkan perkahwinan kanak-kanak. Hasilnya, pada 1 September 1950, John Laycock, seorang peguam dan ahli mesyuarat Majlis Perundangan Singapura telah mengusulkan Rang Undang-undang Umur Perkahwinan Laycock (*Laycock Marriage Age Bill*) berdasarkan Akta Umur Perkahwinan 1929 di United Kingdom (Syed Muhd Khairudin AlJuneid, 2009). Undang-undang tersebut bertujuan untuk membolehkan pembatalan perkahwinan terhadap mana-mana pasangan yang berkahwin sebelum umur 16 tahun dan pelaksanaannya akan terpakai kepada seluruh rakyat Singapura (Qalam, Oktober 1950). Ahmad Luthfi menentang sekeras-kerasnya langkah Laycock itu kerana menurut beliau, perbuatan tersebut adalah perbuatan orang yang hanya menuduh melulu tanpa membuat kajian terhadap hukum dan undang-undang Islam. Tambah beliau lagi, ia sudah tentu akan menganiaya orang Islam yang berpegang kepada hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT (Qalam, Disember 1950). Ahmad Luthfi menunjukkan sikap ‘skeptikal’ terhadap undang-undang Laycock tersebut. Baginya, ia mempunyai muslihat untuk merosakkan taraf dan kedudukan orang Islam kerana sebelum ini ramai orang bukan Islam terkilan apabila anak-anak gadis mereka lari mengikut pemuda Islam dan berkahwin lalu memeluk Islam. Namun, tidak ada satu kuatkuasa undang-undang untuk membatalkan perkahwinan tersebut dan mengembalikan anak itu kepada ibu bapanya (Qalam, Disember 1950).

Melalui tulisannya dalam Qalam, Ahmad Luthfi turut menempelak pandangan Che Zaharah Noor Mohammad, ketua Pertubuhan Kebajikan Perempuan Islam Singapura kerana menyokong dan mendesak supaya undang-undang Laycock tidak mengecualikan orang Islam daripada menghadkan perkahwinan kepada umur 16 tahun (Qalam Disember, 1950). Che Zaharah melihat undang-undang Laycock itu penting dalam konteks menjaga kebajikan wanita dan kanak-kanak supaya tidak diabaikan serta bebas dari ‘penderaan’ lelaki. Menurut beliau, perkahwinan pada usia yang sangat muda hanya akan meningkatkan kes-kes perceraian kerana kekurangan pengalaman dalam membina rumah tangga (*Proceedings of the Second Legislative Council Colony of Singapore*, 16 September 1952). Pandangan Che Zaharah adalah berdasarkan statistik kadar kelahiran anak bagi ibu muda Melayu bawah umur 16 tahun di Singapura pada tahun 1950 yang amat tinggi iaitu 329 kelahiran berbanding kaum Cina 83 kelahiran dan India 126 kelahiran (*Colony of Singapore Annual Report*, 1950). Ahmad Luthfi menyifatkan pandangan Che Zaharah itu sebagai pandangan orang yang jahil dan tidak memahami hukum-hukum Islam yang sebenar. Ahmad Luthfi menasihati supaya umat Islam berhati-hati dengan anasir-anasir yang cuba

memesongkan akidah umat Islam dan fikiran sebegini tidak seharusnya dilayan kerana boleh memecah-belahkan orang Islam (Qalam, Oktober 1950).

Dalam hal ini, majalah Qalam turut menerima sokongan daripada akhbar-akhbar lain seperti Utusan Melayu, Melayu Raya dan Warta Negara yang dilihat turut sama memberi amaran kepada Gabenor Singapura Franklin C. Gimson supaya membuat pertimbangan yang sebenar sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakan Undang-undang Umur Perkahwinan Laycock. Akhbar Warta Negara misalnya menegaskan bahawa isu perkahwinan Nadrah telah menyentuh sensitiviti umat Islam. Jika undang-undang ini diteruskan sudah pasti akan menjadikan kepercayaan masyarakat Islam terhadap kepimpinan beliau (Warta Negara, 8 Disember 1950). Akhbar-akhbar tersebut turut mendesak supaya pihak tertentu seperti Che Zaharah berhenti daripada mencampuri isu yang berkaitan dengan perkahwinan Nadrah (Syed Muhd Khairudin Al-Juneid, 2009). Isu-isu yang dibawa oleh Qalam dan akhbar-akhbar ini juga secara tidak langsung telah memberi kesedaran kepada masyarakat umum sama ada dari golongan ulama, tokoh pemimpin mahupun persatuan Islam untuk bersama-sama memperjuangkan kepentingan umat Islam. Dal hal ini, Setiausaha Tanah Jajahan Singapura telah mengeluarkan kenyataan yang memberi penekanan terhadap kepentingan akhbar dan majalah sebagai medium yang berperanan penting ke arah perdamaian dan penyelesaian permasalahan yang melanda umat Islam selepas peristiwa Nadrah (Derek Heng dan Syed Muhd Khairudin Aljuneid, 2009).

Persatuan-persatuan Islam seperti Jami'ah al-Dakwah al-Islamiyah Se-Malaya, Liga Islam Malaya dan Persatuan Kebajikan Islam dilihat bangkit berkempen supaya peraturan perkahwinan Laycock tidak dilaksanakan ke atas orang Islam. Satu mesyuarat bantahan umum telah diadakan di Masjid Sultan, Singapura sebaik sahaja undang-undang itu diumumkan (Qalam, Ogos 1962). Presiden Persatuan Kebajikan Islam Singapura, M.A. Majid menganggap undang-undang itu sebagai mencabar prinsip agama Islam dan menyinggung umat Islam (The Straits Times, 6 September 1950). Manakala menurut Pengurus Lembaga Penasihat Islam Singapura, Syed Ibrahim Omar Ali Al-Sagoff, “... *his bill as proposed is not consistant with muslim law or acceptable by muslim in any country including Egypt*” (The Straits Times, 10 Ogos 1950). Syed Ibrahim telah melawat Mesir untuk mendapatkan laporan mengenai pandangan perkahwinan bawah umur dalam Islam. Laporan tersebut mengandungi perdebatan dan penentangan kerajaan Mesir terhadap larangan perkahwinan bawah 16 tahun di Singapura (The Straits Times, 13 Januari 1951). Sementara itu, seorang ulama Singapura yang juga merupakan guru agama kepada Ahmad Luthfi, Kiyai Fadhlullah Suhaimi menggesa agar kerajaan Singapura membatalkan undang-undang had minimum perkahwinan ini kerana jelas bertentangan dengan Islam

(Niamah Hj. Ismail Umar, 1998). Akhirnya usaha-usaha tersebut berhasil apabila John Laycock meminda undang-undang berkenaan dengan mengecualikan orang Islam (CO 537/7302). Dalam kenyataan beliau kepada *The Straits Times* menyebut:

“It might be necessary to exempt muslims from the bill. This I at once agreed to do afterwards I was advised to amend the bill by exempting muslims and I at once gave notice of my intention to move the amendment” (*The Straits Times*, 30 Mac 1951).

ISU PENGISLAMAN DAN AKIDAH

Menerusi tulisannya, Ahmad Luthfi memberi penjelasan terhadap perselisihan dalam menentukan hukum mensabitkan adakah pengakuan Nadrah sebagai Islam dalam usia kanak-kanak boleh diambil kira dan adakah Nadrah itu seorang kanak-kanak atau telah dewasa. Ahmad Luthfi memberi pandangan bahawa Islam menetapkan hak ibu bapa kepada anak yang belum akhil baligh berdasarkan Hadis Riwayat Bukhari sebagaimana sabda Rasulullah ‘kanak-kanak itu adalah bersih, kedua-dua ibu bapanya itulah yang mencorakkannya sama ada ia menjadi Nasrani, Yahudi atau Majusi’ (Qalam, Januari 1951). Akuan kanak-kanak itu semasa kecil sememangnya tidak diterima, akan tetapi sesudah ia baligh maka akuannya itu diterima dan Nadrah menjadi seorang Islam atas kehendaknya sendiri. Dalam konteks ini, Nadrah telah mencapai umur baligh seperti keterangan dalam affidavit Che Aminah (Perak Secretariat 264/159, 25 Disember 1950). Malah di dalam kehidupan seharian, Nadrah mengamalkan budaya hidup Melayu dan mempraktikkan ajaran Islam seperti sembahyang serta mengaji Al-Quran dengan kerelaan hatinya. Menurut Islam, seseorang itu akan terlepas daripada tanggungan ibu bapanya, bebas dari segala beban ibu bapanya apabila seorang kanak-kanak itu mencapai umur baligh. Setelah baligh, individu berkenaan bebas menentukan kehidupannya dan mempunyai ‘kemerdekaan’ yang mana telah diakui oleh agama, akal serta adat (Qalam, Januari 1951; Nordin Hussin, 1993). Dapat difahami, Ahmad Luthfi sangat menitik beratkan kebebasan beragama dan kebebasan kepada setiap manusia untuk memilih anutan agamanya. Dalam masa yang sama, Ahmad Luthfi berpendirian tegas jika ada percubaan hendak mengeluarkan seorang daripada Islam maka mempertahankannya adalah wajib bagi setiap orang Islam. Dalam hal yang menyentuh akidah umat Islam, Ahmad Luthfi menyatakan:

“Apabila seseorang berkata kepada seorang Islam dan ia hendak masuk Islam maka wajib dengan serta merta orang itu


mengajarnya mengucap kalimah tauhid dan dengan mengucap kalimah tauhid itu, orang itu dengan serta merta menjadi Islam dan berlakulah hukum Islam ke atasnya. Apabila ada sebarang percubaan yang hendak merampas atau mengambilnya atau memaksanya keluar daripada agama Islam maka yang demikian itu wajib dipertahankan oleh tiap-tiap orang Islam dan mempertahankannya itu termasuk kepada jihad fisabilillah” (Qalam, Disember 1950).

Ahmad Luthfi melihat usaha mempertahankan akidah Nadrah adalah satu jihad dan perjuangan nasionalisme yang sebenar. Menurutnya, kewajipan setiap umat Islam yang utama ialah menegakkan agamanya kerana tidak ada kelebihan dan kemuliaan yang akan didapati oleh umat Islam melainkan memberi tumpuan tenaga terhadap jihad ke jalan Allah (Qalam, April 1952). Bagi Ahmad Luthfi, semangat nasionalisme orang Melayu adalah perjuangan dan kesedaran untuk mencapai gagasan kedaulatan bangsa Melayu melalui Islam dan berusaha mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t. (Qalam, Februari 1955). Ahmad Luthfi berpegang kepada perintah yang cukup terang disebut dalam Al-Quran yang menyuruh umat Islam supaya jangan berpecah-belah sebagaimana firmanNya dalam Surah Ali ‘Imran ayat 103, “berpeganglah kamu kepada agama Allah dan janganlah kamu berpecah-belah.” Pandangan ini disebabkan wujud kebimbangan beliau terhadap golongan bukan Islam yang tidak akan senang hati melainkan mereka berjaya memperdaya orang Islam. Hal ini bermakna perjuangan menuntut bela ke atas akidah Nadrah adalah perjuangan nasionalisme yang menuntut persepakatan umat Islam dalam satu ummah. Justeru, tanggungjawab mempertahankan akidah Nadrah adalah tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh setiap individu Muslim. Oleh kerana itu, Islam menegaskan bahawa apabila seseorang itu menjadi Islam maka ia mendapat hak dan tanggungjawab yang sama dengan umat Islam seluruhnya. Menurut Ahmad Luthfi, semangat nasionalisme yang dijelaskan melalui perjuangan akidah Islam mempunyai pertalian yang rapat sebagaimana rapatnya hubungan Melayu dan Islam. Ia adalah soal prinsip serta kecintaan orang Melayu kepada pertalian darah, agama, bangsa dan tanah airnya (Qalam, Mac 1952).

Ahmad Luthfi turut menggesa UMNO (United Malays National Organization) sebagai badan politik yang berpengaruh dan mewakili orang Islam agar dapat berusaha lebih keras lagi untuk mendesak pihak-pihak tertentu khususnya British supaya akidah Nadrah terbela (Qalam, Disember 1950). Kenyataan ini disokong oleh akhbar Majlis dengan menyatakan bahawa kes Nadrah bukan lagi kes antara Che Aminah dan ibu bapa kandungnya namun telah menjadi isu besar yang menyentuh akidah Islam dan nasional (Tom Eames Hughes, 1980). Qalam sendiri telah melancarkan kutipan derma untuk tabung perbicaraan Nadrah dengan cara

Nadrah: Tumpuan Terhadap. Pandangan Ahmad Luthfi Dalam Majalah Qalam (1950-1963)

menjual gambar Nadrah. Penjualan gambar Nadrah diiklankan dalam majalah Qalam dan hasil jualannya disalurkan ke dalam tabung berkenaan (Qalam, Januari 1951). Namun, Dato' Onn Jaafar mengambil keputusan untuk tidak melibatkan UMNO dalam kes tersebut. Beliau merayu kepada semua bahagian dan cawangan UMNO supaya menghentikan segera semua tindakan yang dilakukan terhadap kes rayuan Nadrah (CO 537/7302). Dato' Onn menganggap perkara tersebut bukan perkara yang melibatkan bangsa atau agama sebaliknya hanya kes perbicaraan merebut hak penjagaan. Atas pendirian Dato' Onn dan UMNO ini, Ahmad Luthfi menganggap UMNO telah lari dari matlamat asal penubuhannya iaitu penyatuan Melayu berlandaskan agama dan bangsa. UMNO tidak lagi dapat diharapkan membela agama kerana perjuangan nasionalisme yang didasarkan oleh UMNO adalah nasionalisme yang sempit bukannya perjuangan nasionalisme yang diajarkan oleh Islam iaitu perjuangan untuk mencapai gagasan kedaulatan bangsa melalui Islam dan berusaha mengukuhkan keimanan kepada Allah s.w.t. melalui konsep ummah (Qalam Disember 1950: Warta Negara 28 Ogos 1950). Ahmad Luthfi lantang mengkritik kepimpinan Dato Onn sebagai seorang pemimpin yang memisahkan Islam daripada politik dan memecahkan ikatan persaudaraan Islam (Qalam Mac 1951).



Rajah 4: Penjualan gambar Nadrah diiklankan dalam majalah Qalam dan hasil jualannya disalurkan ke dalam tabung berkenaan
Sumber: Qalam, bil. 6, Januari 1951.

ISU HAK DAN KEBEBASAN WANITA DALAM PERKAHWINAN

Ahmad Luthfi menjelaskan amalan kebiasaan dalam budaya Melayu ialah anak perempuan akan menerima sahaja pilihan ibu bapa dalam menentukan pasangan hidup kerana akur dan hormatkan orang tua. Ibu bapa pula menjodohkan anak mereka dengan pasangan yang pada fikiran ibu bapa tersebut sesuai untuk si anak (Qalam, November 1950). Menurut Ahmad Luthfi, budaya sebegini seharusnya tidak lagi diamalkan dalam masyarakat masa kini kerana Islam mewajibkan ibu bapa atau wali meminta izin sebagai tanda persetujuan daripada anak perempuan sebelum dikahwinkan. Persetujuan tersebut memadai dengan perbuatan diam sebagaimana Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah bersabda:

“Si janda tidak boleh dikahwinkan sebelum berunding dan tidak boleh dikahwini si dara sebelum diminta izinnya. Mereka bertanya: Ya Rasulullah, bagaimakah izinnya? Rasulullah SAW menjawab: Diamnya” (Abu Abdullah Muhammad Idris Asy-Syafi’iy, 1991).

Bagi Ahmad Luthfi, perbuatan ‘diam’ itu perlu diikuti dengan pengakuan yang jelas daripada anak perempuan tersebut supaya tidak timbul perkahwinan paksa. Ia juga membolehkan seseorang wanita itu mendapat kebebasan yang penuh dalam membuat keputusan terhadap perkahwinannya. Peranan ibu bapa atau wali dalam bahagian ini hanya menjadi perantara atau menjadi wasitah di antara yang meminang atau yang dipinang. Wali tidak sepenuhnya mempunyai kuasa dan hak kepada anak perempuan mereka (dalam perkahwinan) kerana bagi anak perempuan telah baligh, mereka bebas membuat keputusan dalam kehidupannya (Qalam November, 1950). Menurut ajaran Islam, tidak sah sesuatu perkahwinan seseorang perempuan dengan lelaki yang tidak diredhainya. Dalam erti kata lain, ibu bapa atau penjaga tidak boleh mengahwinkan anak perempuannya jika belum berbincang dan mendapat keizinannya (Qalam, September 1951). Maka, perbuatan memaksa berkahwin boleh menjerumuskan anak itu kepada perkahwinan atau ikatan yang tidak halal iaitu percampuran suami isteri yang sama dengan perbuatan zina (Qalam, November 1950). Ahmad Luthfi menyifatkannya sebagai sesuatu perbuatan yang lahir daripada kelemahan pengetahuan terhadap hukum-hukum Islam dan tidak mengendahkan walau sedikit mengenai hak-hak kebebasan wanita. Hikmah Islam melarang perkahwinan secara paksaan kerana bertujuan untuk menjaga kualiti perkahwinan dan mengelak daripada berlakunya kes-kes perceraian akibat tidak persefahaman serta tolak ansur dalam kehidupan.

Pandangan Ahmad Luthfi mengenai kebebasan wanita menarik perhatian pembaca majalah Qalam apabila beliau mempersoalkan mengenai urusan peminangan yang dilakukan masih menerusi ibu bapa/walinya, tidak terus kepada wanita tersebut walhal Islam meletakkan kebebasan ke atas wanita. Ahmad Luthfi menjelaskan, anak-anak perempuan kebiasaannya dididik oleh ibu bapa dengan adat kesopanan dan sifat malu yang tinggi. Oleh itu, tentulah anak perempuan tidak boleh dipinang melainkan perlu melalui walinya. Ia adalah lambang tanggungjawab yang diberikan ke atas ibu bapa kepada anak perempuan sebelum diserahkan tanggungjawab itu kepada suami. Namun ini tidak bermakna bahawa anak perempuan itu hilang haknya. Ahmad Luthfi memetik pandangan Imam Malik yang membahagikan syarat wali dalam perkahwinan kepada dua bahagian, iaitu, “Perempuan golongan rendah boleh mengahwinkan dirinya sendiri tetapi yang demikian itu tak boleh bagi perempuan daripada golongan orang yang terhormat” (Qalam, Disember 1950). Melalui pandangan Imam Malik ini, dapat difahami bahawa anak-anak perempuan daripada golongan yang ‘terhormat’ iaitu yang mendapat penjagaan sempurna daripada ibu bapa tak boleh mengkahwinkan dirinya sendiri di hadapan lelaki yang hadir melainkan melalui ibu bapa atau walinya. Hal ini membuktikan taraf yang diberikan Islam terhadap wanita lebih tinggi daripada taraf wanita sebelum kedatangan Islam sekaligus meletakkan wanita pada kedudukan yang tinggi dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, Mufti kerajaan Johor Sahib Al-Fadhilah Tuan Haji Al-Syed Alwi bin Tahir Al-Hadad mempunyai pandangan berbeza mengenai hak kebebasan perempuan sehingga mewujudkan konflik pendapat di dalam dua buah majalah, Qalam dan Warta Jabatan Agama Islam Johor. Mufti kerajaan Johor telah memberi respon terhadap satu soalan yang dikemukakan oleh pembaca dalam ruangan ‘Hak Kebebasan Wanita’ dalam majalah Qalam mengenai seorang perempuan yang menuntut kebebasan di dalam Islam dalam soal perkahwinan seperti perlu meminta izin dirinya sebelum dikahwinkan dan persoalan tentang wali. Pandangan Mufti tersebut telah tersiar dalam majalah Warta Jabatan Agama Johor bilangan 27, Disember 1951. Menurut mufti kerajaan Johor itu, rencana ‘Hak Kebebasan Wanita’ yang disiarkan dalam majalah Qalam terpengaruh dengan ajaran Qadyani yang menggalakkan perempuan hidup bebas tanpa batasan, bebas memilih lelaki yang disukai, bergaul, bersuka-suka dan bersenang-senang dengannya, memuaskan hawa nafsunya dan kehendaknya. Beliau mengatakan:

“Tuan-tuan agaknya kerap kali terpandang makalah-makalah yang sibuk penulis-penulisnya dengan kebebasan perempuan dan kahwin paksa. Mereka itu kebanyakannya daripada orang yang jahil berkenaan hukum-hukum Islam. Mereka itu sebenarnya menyeru kepada hukum-hukum syaitan, hawa nafsu dan

kebebasan fasik, mencabuk kesopanan perempuan, merogol kehormatannya dan menghapuskan maruah anak-anak dara. Layaknya penyeru-penyeru sebegini dihumban ke neraka” (Warta Jabatan Agama Islam Johor, Disember 1951).

Pandangan yang diberikan oleh Mufi Kerajaan Johor itu ternyata tidak menjawab soalan yang ditanya oleh pembaca sebaliknya hanya mengkritik pandangan mengenai hak kebebasan perempuan. Ahmad Luthfi telah memberi kenyataan balas dengan mengatakan jawapan yang diberikan oleh mufti berkenaan sebagai lain yang ditanya lain yang dijawab dan menyifatkan jawapan itu sebagai satu pandangan yang amat rendah (Qalam, Mac 1952).

ISU PERANAN KADI/WALI

Dalam rencananya, Ahmad Luthfi berkali-kali menyebut akan kepincangan peranan kadi dan tugas yang sepatutnya dilakukan oleh kadi dalam menyempurnakan sebuah perkahwinan mengikut syariat Islam. Antaranya melalui rencana ‘Isteri Orang Dicerai dan Dinikahkan’, ‘Taklik Menjadi Senjata’, ‘Bagaimana Keadaan Sebenar-benar Kadi’, ‘Menghukum Orang Mencerai Isteri’ dan menerusi ruangan ‘Kopi Pahit’. Keadaan yang berlaku di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura sebelum 1950-an menyaksikan banyak kelemahan dalam pengurusan perkahwinan dan jawatan kadi dipegang oleh mereka yang bukan benar-benar layak. Di Singapura umpamanya, Ahmad Luthfi menganggarkan sebanyak 50 hingga 60 peratus kes-kes perceraian berlaku akibat kelemahan-kelemahan ini (Qalam, Januari 1953) Kadi yang dilantik mudah untuk menikahkan dan menceraikan pasangan tanpa usul periksa dan tidak menyemak status individu yang ingan dinikahkan itu. Ahmad Luthfi berpandangan sedemikian berikutan beberapa peristiwa yang berlaku di Singapura. Seorang suami membuat aduan di pejabat agama bahawa isterinya lari meninggalkan rumah setelah dibawa keluar oleh lelaki lain. Selepas tiga bulan, si suami mendapat tahu bahawa isterinya itu telah berkahwin dengan lelaki lain. Pernikahan itu telah dilakukan oleh seorang kadi dalam daerah tengah Singapura. Kadi tersebut telah menikahkan isterinya berdasarkan satu surat cerai yang dikeluarkan oleh kadi yang terletak di sebelah timur Singapura (kadi yang menikahkan si suami dan isterinya dahulu). Si suami hairan bagaimana kadi berkenaan boleh mengeluarkan surat cerai tanpa pengetahuannya dan tidak dipanggil untuk berbincang mengenai perceraian, yang beliau terima hanyalah sepucuk surat daripada kadi berkenaan yang meminta supaya si suami menandatangani surat cerai secara khuluk (tebus talak) dengan membayar \$22.50

(nilai mas kahwin). Si suami cuba merujuk perkara ini kepada kadi yang lain namun beliau dinasihatkan supaya mendiamkan diri dan tidak memperbesar besarkannya. Paling menyedihkan, kadi yang dirujuk itu mengarahkan si suami berkahwin lain kerana menurutnya perempuan bukan seorang (Qalam, April 1952). Kisah yang diceritakan ini sememangnya merupakan realiti yang berlaku dalam masyarakat Melayu di Singapura pada awal dan pertengahan abad ke-20 (Judith Djamour, 1965).

Menurut Ahmad Luthfi, Haji Ahmad bin Haji Abdul Halim selaku juru nikah yang menikahkan Nadrah dengan penuh sedar dan tanggungjawab telah melaksanakan hukum perkahwinan menurut undang-undang Islam meskipun beliau mengetahui Nadrah masih mempunyai ibu bapa kandung. Hal ini kerana, bagi perempuan yang masih gadis yang bapanya bukan orang Islam maka perempuan itu apabila hendak berkahwin perlulah dia bertahkim dengan sebab Islam telah menggugurkan pertaliannya dengan ayahnya kerana syarat menjadi wali itu mestilah beragama Islam (Perak Secretariat 264/159, 25 Disember 1950). Perkara ini jelas dianyatakan di dalam majalah Qalam:

“Demikianlah pandangan mengikut segi agama Islam yang mensabitkan Nadrah itu Islam dan perkahwinannya sah sebagaimana juga yang telah diisyiharkan oleh Majlis Ulama Singapura dan juga menurut siaran akhbar, Tengku Mahmud Zuhdi Syeikh al-Islam, Selangor mengakui Nadrah itu sebagai seorang Islam dan nikahnya itu sah dan keterangan Tengku Mahmud Zuhdi di dalam mahkamah itu menurut pandangan saya ialah atas perkahwinan di antara seorang Islam dengan orang kafir kitabi di dalam mana keraian daripada ibu bapanya itu dikehendaki tetapi bukan wajib wali atas mereka itu kerana syarat wali itu telah putus dengan sebab berlainan agama” (Qalam, Februari 1951).

Ahmad Luthfi turut menjelaskan, seorang wali (kadi) bertanggungjawab melaksanakan akad yang suci kerana ia merupakan penentu kepada sahnya sebuah perkahwinan. Dalam isu Nadrah, kadi atau (wali tahkim) yang menikahkan Mansor dan Nadrah telah memastikan bahawa kedua-duanya beragama Islam dan telah menjalankan pernikahan itu tanpa mempersulit atau menghalang sesbuah perkahwinan kerana sedar seorang perempuan itu (Nadrah) telah bertemu calon pilihan hatinya. Hal ini kerana, wali dalam perkahwinan hanya sebagai perantara dan tidak bermakna mendapat kekuasaan. Dalam hal ini, Hakim Brown semasa membacakan keputusan perbicaraan mengakui:

“Saya ingin menegaskan bahawa saya berpuas hati dengan budak ini (Nadrah) tidak dipaksa atau ditipu untuk berkahwin. Saya telah menemuinya di kamar saya. Berbanding kanak-kanak Eropah yang lain, budak ini lebih dewasa daripada umurnya (Perak Secretariat 264/159, 25 Disember 1950).

Ahmad Luthfi meneruskan jalan melalui kritikan-kritikanya ke arah memperkuuh undang-undang syariah khususnya mengenai perjawatan kadi di Singapura juga di Tanah Melayu selepas tragedi Nadrah. Beliau sedar, undang-undang Islam yang diwujudkan dapat melindungi umat Islam dari terdedah dengan penindasan serta ketidakadilan undang-undang Barat. Dalam seruannya, Ahmad Luthfi menegaskan:

“Mengingat kepada perkara ini adalah perkara am yang mengenai juga banyak penduduk di sini maka mengadakan suatu mahkamah syariah yang bakal mengurus hal-hal mereka itu adalah sangat mustahak sebab yang demikian itu kerap kali juga membangkitkan perkara-perkara yang merosak kepada keamanan dan di sebalik itu dapatlah perkara-perkara orang Islam itu dibawa di hadapan orang-orang Islam sendiri mengikut hukuman-hukuman terutama dalam perkara nikah kahwin. Dengan kerana itu menurut pandangan kita, perkara ini wajib diselenggarakan oleh kerajaan. Perkara ini hendaklah dibawa kepada timbangan kerajaan dan majlis mesyuarat negeri” (Qalam, November 1953).

Apabila Mahkamah Syariah diinstitusikan di Singapura pada 24 November 1958 melalui Muslims Ordinance 1957, peranan kadi dalam urusan nikah dan perceraian semakin diperketat. Bidang kuasa kadi juga diperjelas yang antara lain menyebut bahawa kadi berkuasa menikahkan dan menjalankan perkara nikah bagi orang Islam yang di dalam wilayahnya seperti yang terkandung dalam bab nikah menurut mazhab Syafie. Bagi membendung masalah kadi yang sewenang-wenangnya menjatuhkan perceraian tanpa usul periksa sekaligus melindungi nasib anak-anak dan isteri yang diceraikan, Seksyen (4) 12 Muslim Ordinance 1957 memperuntukkan hanya Mahkamah Syariah sahaja yang berkuasa mendaftarkan perceraian yang tidak ada persetujuan kedua belah pihak. Manakala, Seksyen (3) 12 Muslim Ordinance 1957 pula memperuntukkan kadi mahupun ketua kadi diberi kuasa mendaftarkan perceraian hanya jika suami dan isteri hadir di hadapannya dan mengisyiharkan bahawa mereka mempersetujui atas syarat perceraian mereka dan menandatangani borang perceraian di hadapan kadi. Sementara, naib kadi hanya boleh mendaftarkan pernikahan (Judith Djamour, 1958).

Ahmad Luthfi menegaskan, kadi diwajibkan menyiasat dan menerangkan bahawa sesebuah perceraian berlaku yang disebabkan dengan kemarahan adalah tidak sah. Keputusan untuk bercerai tidak hanya boleh dibuat oleh kadi semata-mata tetapi perlu kehadiran kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri. Kadi diwajibkan seberapa daya upayanya mengamankan di antara keduanya dan jika tidak dapat diamankan maka bahanalah ia dibenarkan melantik dua orang hakim sebagai wakil di antara keduanya (Qalam, April 1952). Justeru, bagi membendung masalah perceraian yang sering berlaku pada ketika itu, Ahmad Luthfi tampil dengan cadangan seperti yang dinyatakan dalam Qalam bahawa, satu lajnah atau bahagian dalam Mahkamah Syariah perlu diwujudkan dengan nama Badan Penasihat Perceraian. Bahagian ini berfungsi sebagai pemudahcara kepada pasangan yang berniat untuk bercerai. Menurut Ahmad Luthfi:

Kerajaan hendaklah mengadakan suatu badan di tiap-tiap daerah dengan nama “Badan Penasihat Agama Di Dalam Nikah dan Kahwin” supaya sebelum seseorang berkahwin, hendaklah diberi nasihat atas tanggunggannya dan cara-cara hidup berumah tangga dengan baik sebaliknya sebelum seseorang diterima untuk mentalak isterinya, hendaklah orang itu diserahkan kepada badan ini untuk diberi nasihat (Qalam, Julai 1958).

Saranan Ahmad Luthfi dilihat telah direalisasikan apabila Dewan Undangan Singapura melalui Mulism Ordinance (Pindaan) 1959 memperuntukkan untuk melantik Pegawai Penasihat Perceraian yang berfungsi sebagai jururunding kepada masalah pasangan yang hendak bercerai (Berita Harian, 21 Disember 1959). Khidmat rundingan Pegawai Penasihat Perceraian dilihat terus diperlukan di Singapura dan Persekutuan dari tahun ke tahun (Berita Harian, 4 November 1979). Presiden Mahkamah Syariah Singapura, Hj. Abu Bakar Hashim melaporkan, sepanjang tahun 50-an sehingga 80-an, jumlah perceraian dalam kalangan orang Islam di Singapura terus merosot dengan begitu ketara tahun demi tahun (Berita Harian, 27 Jun 1988). Peranan pegawai penasihat perceraian ternyata dapat dimanfaatkan apabila sebanyak 602 kes persengketaan suami isteri berjaya didamaikan dalam tahun 1966 (Berita Harian, 23 Januari 1967). Perkara ini diakui oleh pakar Sosiologi dari Universiti Nanyang, Singapura, Tai Ching Lin yang mendapati bahawa antara faktor kemerosotan kadar perceraian dalam masyarakat Islam di Singapura adalah disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh kadi dalam memberikan nasihat kepada pasangan yang ingin bercerai (Berita Harian, 31 Oktober 1975).

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN ISLAM

Dalam rencananya, Ahmad Luthfi telah mempersoalkan sebahagian daripada peruntukan dalam Muslim Ordinance 1957 dan kesannya jika dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah. Ahmad Luthfi juga dilihat turut mempersoalkan kenyataan tambahan ke atas pindaan Muslim Ordinance 1957 (no.25 dengan pindaan dan tambahan no.40, 1960). Pindaan tersebut memperuntukkan bahawa ketua kadi sahaja dibenarkan menikahkan atau memberi kuasa menikahkan kepada orang Islam yang telah mempunyai isteri setelah ketua kadi berpuas hati dengan penyelidikan yang dilakukan bahawa perkahwinan itu tidak mempunyai halangan yang sah menurut undang-undang Islam. Ahmad Luthfi melihat peraturan yang menetapkan hanya ketua kadi berhak menjalankan pernikahan telah membataskan seorang lelaki untuk berkahwin lebih daripada seorang. Seseorang terpaksa berhadapan dengan syarat-syarat yang ketat untuk berkahwin sedangkan perkahwinan adalah sesuatu yang digalakkan bagi membendung maksiat seperti zina (Qalam, November 1953). Dalam konteks ini, jika kuasa menikahkan itu hanya diperuntukkan ke atas ketua kadi, ini bermakna jumlah lelaki yang berpoligami pasti akan berkurangan. Ahmad Luthfi menyatakan dalam tahun 1960 hanya terdapat empat perkahwinan poligami yang didaftarkan di Singapura (Qalam, April 1961).

Ahmad Luthfi menegaskan kerajaan tidak patut mengganggu fahaman dan kepercayaan penganut Islam. Pandangan tersebut mendapat sokongan akhbar Majlis apabila akhbar itu turut mengulas isu poligami dan bersetuju bahawa hak beristeri empat adalah hak lelaki yang dibenarkan dalam Islam (Majlis, 17 Julai 1954). Ahmad Luthfi menyamakan peraturan ini dengan undang-undang perkahwinan Kristian dan sokongan kerajaan terhadap Piagam Wanita 1961 yang mengharamkan poligami (Qalam, April 1961). Demi memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai poligami, Ahmad Luthfi menyiarakan garis panduan mengenai syarat berpoligami dan konsep keadilan yang perlu dilakukan oleh suami dalam rencana beliau bertajuk ‘Perkara Adil di Atas Beristeri Lebih Dari Satu’ (Qalam September 1962). Ahmad Luthfi memetik Surah An-Nisa’, ayat tiga yang menjelaskan ‘Islam membenarkan seorang lelaki untuk berkahwin empat berdasarkan syarat-syarat tertentu seperti mampu berlaku adil’. Ahmad Luthfi menjelaskan, suami diwajibkan membahagikan malam giliran antara isteri-isterinya secara adil serta wajib pemberian nafkah setiap isteri-isterinya yang selayak dan bersesuaian. Jika bimbang tidak mampu berlaku adil, maka memadailah mempunyai hanya seorang isteri (Qalam, September 1962).

Terdapat sanggahan daripada sesetengah ahli agama mahupun ahli perundangan yang tidak sependapat dengan Ahmad Luthfi. Misalnya Ahmad Ibrahim melalui tulisannya dalam *World Muslim League Magazine*, telah menyelar kenyataan

Ahmad Luthfi sambil menyifatkan “*It is difficult to know what the self-appointed champion of the Muslim way of life really desire*”. Ahmad Ibrahim berpandangan, Piagam Wanita adalah contoh undang-undang dari perspektif piagam hak asasi manusia yang melindungi wanita dari mangsa poligami dan mementingkan persamaan hak antara lelaki dan perempuan (*World Muslim League Magazine*, Mei 1961: Ayumi Mitsunari, 2015). Mengulas mengenai tuduhan Ahmad Luthfi yang menyamakan undang-undang Islam yang dikuatkuasakan itu menyamai undang-undang Kristian, Ahmad Ibrahim menegaskan bahawa Kerajaan Singapura bukan Kerajaan Kristian dan bukan polisi kerajaan untuk memaksa orang Islam mengamalkan bentuk kehidupan agama-agama lain. Sebaliknya undang-undang yang dikuatkuasakan adalah bertujuan untuk kesejahteraan rakyat (*World Muslim League Magazine*, Mei 1961: Ayumi Mitsunari, 2015).

Kenyataan-kenyataan Ahmad Luthfi turut mengundang respon daripada Yang Dipertua Mahkamah Syariah Singapura Hj. Sanusi bin Mahmud yang turut disiarkan dalam akhbar Berita Harian (Berita Harian, 10 Julai 1963). Hj. Sanusi menafikan dakwaan Ahmad Luthfi itu dan menyifatkannya sebagai tuduhan kosong yang berniat jahat (Qalam, Disember 1962). Menurut Hj. Sanusi, umat Islam tidak dihalang untuk beristeri lebih, namun ia tertakluk di bawah kuasa ketua kadi yang memberi izin berkahwin kepada seseorang yang telah mempunyai isteri yang masih hidup setelah siasatan dilakukan dan ketua kadi berpuas hati bahawa si suami boleh berlaku adil dan saksama dalam memberi nafkah kepada isteri-isteri dan anak-anaknya. (Berita Harian, 10 Julai 1963). Menurutnya lagi, Mahkamah Syariah tidak pernah sekali-kali melaksanakan Piagam Wanita bagi menentukan perkahwinan orang Islam. Apa yang dilaksanakan hanya mengikut Undang-undang Islam 1957 dan pindaan Undang-undang Islam 1960.

Berikutan itu, satu usul untuk memantapkan lagi Muslim Ordinance 1957 dibuat melalui penggubalan Undang-undang Pentadbiran Islam 1960 atau Administration of Muslim Law Bill (AMLB) yang diketuai oleh Ahmad Ibrahim. AMLB diperlukan kerana Mahkamah Syariah yang sedia ada seperti yang termaktub dalam Muslim Ordinance 1957 mempunyai beberapa perkara yang perlu dipinda disamping kuasa yang sangat terhad bagi menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan (Singapore Parliament, 13 Januari 1960). Walau bagaimanapun, penggubalan undang-undang ini dilihat telah mencetuskan keraguan dalam kalangan masyarakat luar khususnya para ulama ekoran dipercayai tidak meliputi keseluruhan aspek hukum Islam. Seorang wakil parliment, Ahmad Jabri bin Mohd Akib semasa sesi perbahasan AMLB mengakui, “*the bill is very wide scope... therefore, i feel that the steps we are taking to review the Muslims Ordinance should receive very careful*” (Singapore

Parliament, 13 Januari 1960). Berdasarkan permasalahan yang diutarakan, Ahmad Luthfi berpandangan bahawa AMLB ini perlu dikaji dan mengesyorkan agar pandangan pertubuhan-pertubuhan Melayu dan Islam serta alim ulama diambil kira terlebih dahulu sebelum undang-undang ini dikuatkuasakan. Sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh M. J. Namazie kemudiannya dibentuk oleh Lembaga Penasihat Islam Singapura dalam tahun 1960 yang bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan Mahkamah Syariah sedia ada berdasarkan aduan-aduan masyarakat Islam di Singapura (Qalam, Januari 1963).

Sehubungan dengan itu juga, teguran-teguran Ahmad Luthfi dan perdebatan masyarakat Islam mengenai Muslim Ordinance telah menyebabkan PAS cawangan Singapura menganjurkan persidangan pada 15 April 1961 bertempat di Dewan Kebudayaan, Canning Rise, Singapura. Persidangan tersebut menghimpunkan kira-kira 100 buah pertubuhan-pertubuhan Melayu dan Islam di Singapura dan Persekutuan termasuk alim ulama (Qalam, Mei 1961). Persidangan tersebut sebulat suara bersetuju dengan usul yang dikemukakan oleh Ahmad Luthfi supaya Rang Undang-undang Pentadbiran Islam 1960 dikaji semula agar benar-benar bertepatan dengan hukum Islam dan bersetuju menyerahkannya kepada Majlis Penasihat Islam sebagai badan yang bertanggungjawab membuat semakan terhadap undang-undang tersebut (Qalam, Mei 1961). Dalam persidangan tersebut, satu jawatankuasa yang diberi nama ‘Jawatankuasa Umat Islam Singapura’ diwujudkan bagi menyampaikan keputusan-keputusan persidangan kepada K.M. Byrne, Menteri Undang-undang dan Buruh Singapura. Mereka terdiri daripada Syed Ahmad Dahlani, Kapten Said, A. Tahir Mahmud, A. Muhammad Yaakob dan Penolong Ketua Pengarang Qalam, Syeikh Abdullah Basmeh (Berita Harian, 21 April 1961). Persidangan tersebut turut melantik jawatankuasa khas bagi membantu Majlis Penasihat Islam mengkaji Undang-undang Pentadbiran Islam 1960. Ahli-ahlinya kebanyakannya terdiri daripada anggota Persatuan Jam'i'ah al-Dakwah al-Islamiah sendiri seperti Ahmad Luthfi, Syed Ibrahim al-Sagoff, Ahmad bin Mohamad Ibrahim, Syed Ali Redha, Syed Abdullah Balfageeh, Syed Ahmad Dahlani, Ustaz Jailani Imam, Ustaz Ahmad Sonhaji dan Hj. Wanjur Abu Bakar (Qalam, Mei 1961).

Pada tahun 1965, Menteri Kebudayaan dan Hubungan Sosial Singapura, Othman Wok menjelaskan bahawa rang undang-undang tersebut telah diluluskan oleh parlimen untuk bacaan kali kedua. Pihak kerajaan kemudiannya menetapkan sehingga 24 Januari 1966 kepada Select Committee (Jawatankuasa Pilihan) bagi mendengar buah fikiran orang ramai dan dibuat pindaan berdasarkan pandangan-pandangan itu. Ahmad Luthfi memohon supaya tempoh itu dilanjutkan selama sebulan lagi, memandangkan masa yang diberikan tidak mencukupi bagi orang Islam meneliti sesuatu yang berat apatah lagi AMLB tidak diterjemahkan kedalam bahasa Melayu yang tentunya menyukarkan pemahaman. Tambahan

pula umat Islam ketika itu sedang berpuasa yang mana kebanyakan ulama yang mengkaji undang-undang tersebut banyak menghabiskan masa dengan beribadat (Berita Harian, 11 Januari 1966). Walau bagaimanapun, Othman Wok menolak permintaan Ahmad Luthfi seperti yang dinyatakan. Dalam kenyataannya kepada Berita Harian, Othman Wok menjelaskan permintaan Ahmad Luthfi sukar diterima memandangkan undang-undang tersebut telah memakan masa yang begitu lama iaitu lebih empat tahun untuk dikuatkuasakan. Tambahan pula, orang ramai telah diberikan masa yang sesuai dan mencukupi untuk membincangkannya. AMLB perlu disegerakan pelaksanaannya demi kepentingan dan pembangunan umat Islam. Beliau menyifatkan alasan yang diberikan Ahmad Luthfi sebagai ‘tipis’ dan tidak wajar (Berita Harian, 14 Januari 1966). AMLB 1960 telah diluluskan dalam Parlimen Singapura pada 17 Ogos 1966 dan kemudian dikenali sebagai Administration of Muslim Law Act 1966 (AMLA) (Singapore Parliament, 17 Ogos 1966).

KESIMPULAN

Ahmad Luthfi sebagai pengarang dan penulis sebuah majalah yang berpaksi kepada kebenaran Islam telah sebaik mungkin memberi penjelasan mengenai hukum-hukum perkahwinan dalam Islam dan menggesa agar undang-undang Islam dimartabatkan. Melalui rencananya, Ahmad Luthfi dan Qalam telah memberi satu khidmat sosial yang cukup penting dalam menyebar fahaman dan pengetahuan mengenai Islam kepada masyarakat. Secara keseluruhannya, isu perkahwinan Nadrah dengan Mansor Adabi telah dijadikan pokok persoalan yang membuka ruang perbincangan lebih luas berkenaan perundungan Islam. Dengan pelbagai isu dan persoalan yang melanda perkahwinan Nadrah, Ahmad Luthfi melalui pandangannya sebagaimana yang termuat dalam majalah Qalam nyata berpegang kepada tuntutan Islam berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Ahmad Luthfi tidak akan berkompromi terhadap golongan yang mempersendakan hukum Allah dan akan lantang menyuarakan penentangannya.

Daripada pandangan yang dilontarkan, suara Ahmad Luthfi secara tidak telah memberi kesan terhadap perubahan-perubahan yang berlaku selepas tragedi Nadrah. Pandangan Ahmad Luthfi ternyata menimbulkan pelbagai reaksi sehingga ada yang sukar menerima lalu menghukum dengan cara membakar majalah sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman kerana begitu terkesan dengan laporan beliau dalam Qalam. Hal ini menunjukkan majalah Qalam sangat berpengaruh pada ketika itu sehingga pandangan yang diutarakan Ahmad Luthfi meninggalkan kesan kepada pemimpin utama negara. Respon yang diberikan cukup memberi indikasi bahawa suara Ahmad Luthfi

didengari dan dianggap penting dalam segala isu yang beliau kupaskan serta kemukakan dalam majalah Qalam.

RUJUKAN

Sumber Rasmi

CO 537/7302, Political Development Posted Affairs and Opinion, The History of The Hertogh Case, Januari 1951.

Perak Secretariat 264/159, Protest by the Malays and Ulamas of Hijaz Organization: The Decision of the High Court, Singapore on the Nadrah's case, 25 Disember 1950.

Proceedings of the Second Legislative Council, Colony of Singapore, 16 September 1952, Singapore: Government Printing Office

Collony of Singapore Annual Report, 1950

Fail Pejabat Agama Islam Melaka 29/59

Singapore Perliment, Parliamentary Debates: Muslim (Amendment) Bill, (vol. 12, col. 29), 13 Januari 1960.

Parliamentary Debates: Administration of Muslim Law Bill, (vol. 25, col. 237), 17 Ogos 1966

Majalah

Qalam, bil. 2, September 1950

Qalam, bil. 3, Oktober 1950

Qalam, bil. 4, November 1950

Qalam, bil. 5, Disember 1950

Qalam, bil 6, Januari 1951

Qalam, bil 7, Februari 1951

Qalam, bil. 8, Mac 1951

Qalam, bil. 19, Februari 1952

Qalam bil. 20, Mac 1952

Qalam, bil. 21, April 1952

Nadrah: Tumpuan Terhadap Pandangan Ahmad Luthfi Dalam Majalah Qalam (1950-1963)

Qalam, bil.30, Januari 1953
Qalam, bil. 40, November 1953
Qalam, bil. 55, Februari 1955
Qalam, bil. 96, Julai 1958
Qalam, bil. 129, April 1961
Qalam, bil. 130, Mei 1961
Qalam, bil. 145, Ogos 1962,
Qalam, bil. 146, September 1962
Qalam, bil. 149, Disember 1962.
Qalam, bil. 150, Januari 1963
Warta Jabatan Agama Islam Johor, bil. 27, Disember 1951
World Muslim League Magazine, vol. 1, no. 6, Mei 1961

Akhbar

The Straits Times, 10 Ogos 1950
The Straits Times, 6 September 1950
The Straits Times, 13 Januari 1951
The Straits Times, 30 Mac 1951
Warta Negara, 8 Disember 1950
Warta Negara, 28 Ogos 1950
Berita Harian, 21 Disember 1959
Berita Harian, 21 April 1961
Berita Harian, 10 Julai 1963
Berita Harian, 4 November 1979
Berita Harian, 11 Januari 1966
Berita Harian, 14 Januari 1966
Berita Harian, 23 Januari 1967
Berita Harian, 31 Oktober 1975
Berita Harian, 27 Jun 1988
Majlis, 17 Julai 1954,

Buku

Abu Abdullah Muhammad bin Idris Asy-Syafi'iy (Imam Syafie). Baihaqi
Saifuddin (Trj.). 1991. *Hukum Al-Quran: Asy-Syafi'iy dan Ijtihadnya*.
Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Derek Heng & Syed Muhd Khairudin Aljuneid (Editor), 2009. *Reframing Singapore: Memory, Identity, Trans Regionalism*, Amsterdam: Amsterdam University Press.

Fatini Yaacob. 2010. *Naträh (1937-2009): Cinta, Rusuhan, Air Mata*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Gullick, J.M. 1965. *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: University of London, Athlone Press.

Hughes, Tom Eames. 1980. *Tangled Worlds: The Story of Maria Hertogh*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Judith Djamour. 1959. *Malay Kinship and Marriage in Singapore*, London: University of London.

_____. 1966. *The Muslim Martrimonial Court Singapore*, London: University of London.

Niamah Hj. Ismail Umar. 1998. *Fadhlullah Suhaimi*. Selangor: Progressive Publishing House Sdn. Bhd.

Talib Samat. 2004. *Ahmad Luthfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhd Khairudin AlJuneid. 2009. *Colonialism, Violence and Muslim in Southeast Asia: Maria Hertogh Controversy and its Aftermath*. London: Routledge.

Jurnal

Ahmad Ibrahim, ‘Developments in the Marriage Laws in Singapore Since 1959’, *Malayan Law Journal*, Jun 1979.

Mitsunari, Ayumi, ‘Controversial Boundary: The Construction of a Framework for Muslim Law in Singapore in the Period of Decolonization’, *Kajian Malaysia*, No.4, 2015.

Nadrah: Tumpuan Terhadap Pandangan Ahmad Luthfi Dalam Majalah Qalam (1950-1963)

Mohd Idrus Jusi, ‘Islam dan Beberapa Pengaruhnya Dalam Sistem Politik Melayu Tradisi, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, bil. 3/4, 1973/74.

Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif & Arba’iyah Mohd Noor, Syed Abdullah Hamid al-Edrus: Perjalanan Sebagai Penulis, Penerbit dan Pengasas *Qalam 1950-1969*, *Jurnal Sejarah*, No. 28 (1), 2019.

Nordin Hussin, ‘Conversion to Islamic Religion Among Chinese Minors in Johore 1930-1950’s’, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, bil. 21, 1993.

Sundusia Rosdi, “Sumbangan Cendekiawan Peranakan Arab Dalam Persuratan Melayu: 1900-an hingga 1960-an”, *Biblioasia*, National Library Singapore, Vol.5, Issue 4, Januari 2010.

Tesis / Latihan Ilmiah

Khalidah Adibah Hj. Amin, Ahmad Luthfi on the Education and Freedom of Women: A Critical Examination of His Views on the Education and Freedom of Muslim Women in Malaya as Stated and Implied, *Latihan Ilmiah*, Universityof Malaya Singapore, 1957.

Kertas Kerja

Fatimi Yaacob, ‘Selepas 60 Tahun Kes Natrah: Di mana Kita? – Perspektif Sosial’, dalam *Muzakarah Pakar: Selepas 60 Tahun Kes Natrah: Di mana Kita?* Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 29 Jun 2010.

Yuji, Tsuboi (坪井, 祐司), ‘Jawi Publication as a Political Arena: Malayan Decolonization from the Perspective of Islamic Intellectual’, dalam Asia Europe Institute and Organization for Islamic Area Studies (Ed.), *Islam and Multiculturalism: Islam, Modern Science and Technology*, University of Malaya & Waseda University Japan, 2013, hlm. 185.